



SIARAN MEDIA

PASAR PERIKANAN BANTU PASARKAN HASIL PERIKANAN

KEMAMAN, 14 April: Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) memperkenalkan Pasar Perikanan di Pantai Teluk Mak Nik yang merupakan pasar perikanan yang pertama di negeri Terengganu.

Menteri Pertanian & Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata pasar ini diwujudkan pihak kementerian dengan kerjasama agensi kerajaan bagi memberi ruang pasaran tersendiri kepada nelayan, penternak akuakultur dan pengusaha industri asas tani memasarkan hasil keluaran mereka terus kepada pengguna. Pasar Perikanan ini seumpama “Pusat Pertemuan antara Pengeluar dan Pengguna” dimana konsep yang diketengahkan adalah ‘Pengeluar Terus Kepada Pengguna’ , jelas beliau lagi

Tambah Shabery, Jabatan Perikanan Malaysia selaku agensi penyelaras telah membuat projek perintis iaitu pada bulan Februari dan Mac lalu dan ia mendapat permintaan menggalakkan dari penduduk setempat dengan nilai jualan hampir RM 15 ribu, ujar Shabery.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Dataran Perikanan di Pantai Teluk Mak Nik di sini hari ini. Turut hadir sama Datuk Munir Mohd Nawi, Ketua Pengarah Perikanan dan Zulkarnain Zuber, Pengerusi JKKK Kg. Geliga Baru.

Mengulas perasmian Dataran Perikanan, Pengarah Perikanan Negeri, Zawawi Ali berkata Dataran Perikanan ini boleh menjadi platform kepada penduduk setempat menggunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak jabatan dengan memasarkan hasil perikanan mereka di sini. Tambah beliau lagi, selain dari aktiviti pemasaran hasil perikanan, terdapat juga aktiviti berjadual seperti demonstrasi peralatan menangkap ikan dan membaiki enjin, demonstrasi pemprosesan seperti membuat nuget ikan, promosi produk perikanan seperti ikan bakar garam (*Snow Fish*), Sate Ikan Aya, produk rumpai laut (*seaweed*) serta ikan bakar berempah, jelas beliau lagi.

###

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi;

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat,

Jabatan Perikanan Malaysia

Emel : pro@dof.gov.my / ukk@dof.gov.my